



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A


LAPORAN TAHUNAN 2018





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

LAPORAN TAHUNAN
2018



Cetakan Pertama, 2019

Hakcipta Terpelihara © Jabatan Perangkaan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penerbit
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
Blok C6, Kompleks C, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
65214 Putrajaya Malaysia.

Tel : +603 8885 7000

Faks : +603 8888 9248

Portal Rasmi : www.dosm.gov.my

Portal Banci : www.mycensus.gov.my

Portal ISIWSC2019 : www.isi2019.org

E-mel : jpdkp@dosm.gov.my



@StatsMalaysia
@MyCensus2020
@ISIWSC2019

KANDUNGAN

iv

PERUTUSAN

1

PROFIL KORPORAT DOSM

2
8
16

Tadbir Urus
Maklumat Korporat
Organisasi DOSM

25

AKTIVITI UTAMA DOSM

26
27
28

Data
Rangka Statistik
Konsultansi / Rundingan Teknikal

31

PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2018

32
38
46
47

Peristiwa
Keluaran Statistik
Anugerah
Diari DOSM 2018

55

MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

56
57
58

Perjawatan
ILSM
Kursus & Program Latihan

65

MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

66
67
69
71
72
73
74

SDGs
StatsBDA
Portal Banci & Stats Geoportal
Aplikasi Mudah Alih
MyIPCS
Stats Digital
StatsDW

77

KOMUNIKASI STATISTIK

78
84
97
100

Medium Penyebaran Statistik
Statistik Bersama Komuniti
Lawatan Agensi & Organisasi
Perjanjian Persefahaman DOSM

105

KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA

106
110
112

Penglibatan Antarabangsa
Pengiktirafan Antarabangsa
Lawatan Sambil Belajar &
Kunjungan Hormat

115

WORK LIFE BALANCE

131

CABARAN DAN ASPIRASI 2019

PERUTUSAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku.

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM ALHAMDULILLAHIR RABBIL A'ALAMIN
WASSALATUWASSALAM MUALA ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN WA'ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

Alhamdulillah. Segala puji kepada Ilahi kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan 2018 Jabatan Perangkaan Malaysia dapat diterbitkan. Penerbitan ini adalah kompilasi informasi dan pencapaian penting Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2018.

PENCAPAIAN 2018

Atas usaha dan kebersamaan semua warga DOSM, pada tahun 2018 kita telah melakar beberapa kejayaan dan pengiktirafan sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa. DOSM telah mendapat pengiktirafan dunia dengan dilantik sebagai *Chairman, Members of the Bureau, Organisation of Islamic Cooperation Statistical Commission (OIC-StatCom)* bagi tempoh 2018 - 2019 dan *Chairman of the Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)* bagi tempoh 2018 - 2020. Kepercayaan peringkat antarabangsa ini diteruskan lagi apabila DOSM turut dilantik menganggotai beberapa kumpulan kerja seperti *Co-Chair Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC-StatCom (2018 - 2024)*, *Member of the Friends of the Chair Group on the Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS)*, 2018-2019 - *United Nations Statistical Commission (UNSC)* dan lain-lain lagi.

Penglibatan aktif Malaysia dalam persidangan dan perbincangan statistik di peringkat tertinggi dunia telah memberi banyak manfaat kepada Malaysia khususnya dalam memberikan pandangan dalam bidang berkaitan pengumpulan dan penyusunan data, penggunaan metodologi terbaik, pembinaan kapasiti bagi prasarana statistik dan pengalaman mengkoordinasikan aktiviti statistik di peringkat nasional dan serantau. Dengan pemerkasaan peranan Malaysia dalam bidang statistik di peringkat global, ia secara tidak langsung menandakan pengiktirafan komuniti statistik antarabangsa kepada keupayaan Malaysia melaksanakan fungsi "statistical leadership" dalam aktiviti statistik di peringkat global, serantau dan nasional.

Di peringkat nasional pula, DOSM terus mencatatkan satu lagi peristiwa bersejarah apabila YAB. Dato' Seri

Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan dua buah buku Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 dan *My Local Stats 2017* yang julung kalinya diterbitkan oleh DOSM pada 26 Julai 2018.

Di samping itu, Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) telah disambut bagi tahun kedua pada 20 Oktober 2018 bertempat di Universiti Tenaga Nasional, Bangi, Selangor yang dirasmikan oleh YB. Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Bagi meraikan hari yang istimewa ini, pelbagai pengisian program telah dilaksanakan di seluruh negara sepanjang bulan September hingga November 2018 yang melibatkan lebih 10,000 penyertaan terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat bermula dari peringkat pra-sekolah sehingga ke golongan profesional.

KEJAYAAN 2018

Berkat dan kesungguhan warga DOSM, pada tahun 2018 kita telah menghasilkan sejumlah 305 penerbitan, termasuk 35 penerbitan baharu seperti Laporan Sosioekonomi Negeri-negeri, *My Local Stats Negeri-negeri*, Statistik Jenayah Malaysia dan Statistik Perkahwinan & Perceraian. Syabas dan terima kasih kepada semua warga DOSM. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden terpilih dan kementerian/agensi yang telah memberikan kerjasama berterusan dalam menjayakan banci dan survei yang dilaksanakan oleh DOSM.

DOSM terus memanfaat platform elektronik sebagai medium utama untuk penyebaran dan komunikasi statistik rasmi terbitan Jabatan. Perkhidmatan Atas Talian Jabatan telah berkembang sejajar dengan hasrat supaya pengguna mendapat akses yang lebih mudah dan pantas kepada statistik dan data

terperinci. Dalam hubungan ini, DOSM telahpun melancarkan STATS Geoportal menerusi pautan portal www.mycensus.gov.my/geostats/. STATS Geoportal merupakan gerbang kepada maklumat geostatistik berdasarkan web yang membolehkan pengguna untuk mencari, mengakses, memapar dan mengeluarkan maklumat mengikut tema data penduduk/demografi, sosial dan ekonomi di pelbagai peringkat geografi. Portal ini dibangunkan dan diaktifkan sebagai persediaan awal kepada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dan telah pun memuat naik data berbentuk geospatial.

Tahun 2018 turut melakarkan kejayaan bermakna kepada DOSM apabila produk pembangunan Jabatan "MyLocal Stats" telah menerima anugerah "Pingat Emas" bagi Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri tahun 2018. Melangkah ke hadapan, Jabatan telah berada di fasa akhir membangunkan aplikasi *Stats Big Data Analytics* atau StatsBDA iaitu aplikasi yang dibangunkan khusus untuk memanfaatkan *Big Data* dalam penyusunan statistik rasmi.

Selain itu, Malaysia adalah antara negara yang terkehadapan dalam menyediakan tadbir urus yang holistik bagi SDGs 2030 dan telah mengeluarkan Laporan "The Initial Assessment of the SDGs Indicators for Malaysia 2016-2017" terbitan DOSM.

PENUTUP

Disamping pengiktirafan dan kejayaan yang telah dilakar selama ini, literasi statistik di kalangan pengamal media juga turut menunjukkan peningkatan yang amat ketara di mana banyak liputan berita di media cetak dan elektronik telah menggunakan data dan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh DOSM sebagai sumber rujukan. Ini secara tidak langsung telah memperlihatkan jenama DOSM di pelbagai dimensi di dalam dan luar negara. Justeru itu, kejayaan demi kejayaan yang telah dikehendaki ini hendaklah dipertahankan dan situasi ini menuntut agar seluruh warga DOSM senantiasa bersiap sedia dalam meningkatkan produktiviti melalui perancangan kerja yang sistematik di samping memenuhi keperluan statistik masa kini yang kian meningkat.

**“Dalam mencapai hasrat
dan wawasan Kerajaan bagi
mengutamakan rakyat, kita perlulah
sensitif kepada keadaan sekeliling
dan bersedia melakukan perubahan
dari segi pemikiran, sikap, kualiti
kerja dan sebagainya.”**

Tahun ini, genaplah 70 tahun DOSM beroperasi. Sejak tujuh dekad yang lalu, DOSM telah melalui pelbagai fasa evolusi ke arah menyampaikan perkhidmatan statistik yang relevan dan komprehensif.

Ini termasuk berhadapan dengan perubahan arus perdana, Revolusi Perindustrian (IR 4.0) yang merupakan era *Internet-of-things* (IoT). Justeru peredaran zaman ini memerlukan kita meningkatkan proses kerja dengan memodenisasikan pengeluaran perkhidmatan dan produk statistik. Proses ini memerlukan pertimbangan emosi yang tinggi, daya tahan dan semangat juang yang tinggi di samping penghayatan serta amalan budaya inovasi dan kreatif.

Dengan kesiapsiagaan ini, ia akan menjadikan kita lebih baik, lebih tangkas dalam memahami aspirasi masyarakat, lebih strategik dan sentiasa berusaha memancarkan semangat meningkatkan imej Jabatan supaya menjadi organisasi berprestasi tinggi.

Sekian, terima kasih.



Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Ketua Perangkawan Malaysia



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



PROFIL KORPORAT
osm

TADBIR URUS

PUNCA KUASA DOSM

“DOSM ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance 1949* dan dikenali sebagai Biro Statistik.”

Statistics Ordinance 1949 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perangkaan 1965. Di bawah akta ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan dan diketuai oleh Ketua Perangkawan. Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):

“Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan).”

Tadbir urus statistik secara amnya berteraskan *United Nations Fundamental Principles of Official Statistics* yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi.


Statistik rasmi merupakan teras kepada proses pembentukan dasar sosioekonomi negara. DOSM menghasilkan statistik yang berintegriti dan *reliable* dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar.

Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan perangkaan ini adalah *statistical evidence* yang digunakan terutamanya oleh Kerajaan sebagai input dalam pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.





UNITED NATIONS
FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF
OFFICIAL STATISTICS



PELAN TRANSFORMASI JABATAN


“Selaras dengan usaha untuk merealisasikan Visi DOSM sebagai sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelang 2020, DOSM telah merangka Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010-2014 disusuli Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) 2015-2020 yang komprehensif.”

Kedua-dua pelan ini melakarkan arah tuju Jabatan dalam memenuhi keperluan agenda transformasi negara serta memenuhi ekspektasi pengguna yang semakin dinamik dan kompleks. PSJ 2010-2014 telah mencapai hampir keseluruhan sasaran yang dirancang dan lebih separuh berjaya dicapai lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

PTJ 2015-2020 memberi fokus kepada empat teras strategik, merangkumi penghasilan produk dan perkhidmatan statistik yang berintegriti dan *reliable*, pengurusan sumber dan infrastruktur yang efisien, mendaya upaya bakat dan memperkasa peranan penjana statistik.

Teras strategik ini diperhalusi dengan 13 strategi, 26 program dan 81 aktiviti bagi mengukuhkan DOSM sebagai organisasi yang dinamik. Pelan transformasi ini menjadi wadah pencetus kecemerlangan dan memacu DOSM untuk bergerak seiring dengan pencapaian negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Seterusnya, DOSM akan menjadi organisasi statistik yang terbilang di dunia dan menjadi rujukan utama komuniti statistik global.

Peranan di peringkat global turut diberi keutamaan agar DOSM setaraf dengan agensi statistik maju negara lain dan menjadi aspirasi kepada agensi statistik serantau.






JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



GENERIC STATISTICAL BUSINESS PROCESS MODEL

Untuk memastikan aktiviti statistik rasmi menggunakan penanda aras global, DOSM telah mengadaptasi kerangka kerja *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) mulai 2011.



GSBPM ini mengandungi lapan proses utama dengan 45 subproses yang merangkumi peringkat perancangan, prosesan, analisis dan penyebaran statistik rasmi.

Versi terkini yang digunakan adalah GSBPM versi 5.0, 2013.



MAKLUMAT KORPORAT



Menjadi Sebuah Organisasi Statistik yang Terbilang Di Dunia Menjelang 2020

Penjana Statistik Negara yang Berintegriti dan Reliable

MISI



PERANAN



Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

"Penjana Statistik Negara"

SLOGAN



OBJEKTIF

- Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian;
- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar;
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data;
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum;
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan;
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi; dan
- Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna.

FUNGSI JABATAN

Di bawah "**Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**", fungsi utama DOSM ialah:

- Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.
- Menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.

DASAR KUALITI

DOSM komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.

PIAGAM PELANGGAN

DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, *reliable* dan berintegriti iaitu:

1. Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara talian mengikut Kalender Keluaran Awalan (*Advanced Release Calendar - ARC*) yang ditetapkan.
2. Memastikan prasarana eStatistik boleh diakses 24 jam sehari.
3. Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan;
 - Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja;
 - Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja;
 - Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja; atau
 - Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bekerja.

DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:

1. Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan; dan
2. Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh 7 hari bekerja.

NILAI TERAS

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif DOSM, semua anggota DOSM perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:

1. Kepuasan Pelanggan

- Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

2. Profesionalisme

- Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.

3. Kompeten

- Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.

4. Integriti dan Akauntabiliti

- Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.


5. Semangat Berpasukan

- Penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.

6. Berhemah dan Berwibawa

- Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

PENGERTIAN LOGO



CARTA ORGANISASI



DOSM NEGERI & PEJABAT OPERASI



IBU PEJABAT DAN INSTITUT LATIHAN

- 1 Ibu Pejabat (Putrajaya) Jabatan Perangkaan Malaysia
- 2 Ibu Pejabat (Wisma Minlon) Jabatan Perangkaan Malaysia, Seri Kembangan, Selangor.
- 3 Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak

DOSM NEGERI JOHOR

- 4 Pejabat Negeri, Johor Bharu
- 5 Pejabat Operasi Kluang
- 6 Pejabat Operasi Muar

DOSM NEGERI KEDAH

- 7 Pejabat Negeri, Alor Setar
- 8 Pejabat Operasi Langkawi
- 9 Pejabat Operasi Sungai Petani

DOSM NEGERI KELANTAN

- 10 Pejabat Negeri, Kota Bharu
- 11 Pejabat Operasi Kuala Krai

DOSM MELAKA

- 12 Pejabat Negeri, Ayer Keroh

DOSM NEGERI SEMBILAN


- 13 Pejabat Negeri, Seremban

DOSM NEGERI PAHANG

- 14 Pejabat Negeri, Kuantan
- 15 Pejabat Operasi Bentong
- 16 Pejabat Operasi Temerloh

DOSM NEGERI PULAU PINANG

- 17 Pejabat Negeri, Pulau Pinang
- 18 Pejabat Operasi Seberang Prai



ORGANISASI DOSM

Pada masa kini, DOSM beroperasi melalui tiga program iaitu Program Pengurusan Korporat, Program Sosial dan Pembangunan Teknikal dan Program Ekonomi yang meliputi 16 Bahagian di Ibu Pejabat, 14 DOSM Negeri dan 28 Pejabat Operasi di seluruh Malaysia.

PENGURUSAN



DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



PUAN HAJAH NAZARIA BAHRUDIN
TIMBALAN KETAU PERANGKAWAN
PROGRAM SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



TUAN HAJI IBRAHIM JANTAN
TIMBALAN KETAU PERANGKAWAN
PROGRAM EKONOMI

PENGURUSAN KORPORAT



ENCIK MUSTAFA ABDULLAH
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



ENCIK SAIFUZZAMAN ABDUL MANAN
PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



ENCIK MOHD RIDAUDDIN MASUD
PENGARAH
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA



PUAN SHAFIZAERMAWATY SHAFEI
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN
KOMUNIKASI STRATEGIK DAN
ANTARABANGSA



MALAYSIAN BUREAU OF LABOUR STATISTICS



PUAN SITI ASIAH AHMAD
KETUA CORE TEAM



DR. ABD. LATIB TALIB
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN AKUAN NEGARA



ENCIK ZAINUDDIN AHMAD
PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN PERKHIDMATAN



PUAN TAN BEE BEE
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA



CIK KANAGESWARY RAMASAMY
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN
IMBANGAN PEMBAYARAN



PUAN JAMIA AZNITA JAMAL
PENGARAH
BAHAGIAN PETUNJUK EKONOMI



PUAN JAMALIAH JAAFAR
PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN
PENGELUARAN INDUSTRI DAN BINAAN

SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



DATIN ROZITA TALHA

PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN
PENDUDUK DAN DEMOGRAFI

KOSONG

PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA,
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



PUAN SITI HASLINDA MOHD DIN

PENGARAH
BAHAGIAN INTEGRASI DAN
PENGURUSAN DATA



PUAN RIVANTI SAARI

PENGARAH
BAHAGIAN METODOLOGI
DAN PENYELIDIKAN



PUAN SITI ZAKIAH MUHAMAD ISA

PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN PERTANIAN
DAN ALAM SEKITAR



PUAN NORALIZA MOHAMAD ALI

PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN
TENAGA MANUSIA DAN SOSIAL

DOSM NEGERI



PUAN NORHAYATI JANTAN
PENGARAH DOSM NEGERI
SABAH



**ENCIK WAN MOHD SHAHRULNIZAM
WAN MOHD NAJURI**
PENGARAH DOSM NEGERI
JOHOR



ENCIK MUHAMMAD AMRI IDRIS
PENGARAH DOSM NEGERI
SELANGOR



PUAN ROSLAWATI YAHYA
PENGARAH DOSM NEGERI
SARAWAK



PUAN NORFARIZA HANIM KASIM
PENGARAH DOSM
WILAYAH PERSEKUTUAN



PUAN RAFLIZA RAMLI
PENGARAH DOSM NEGERI
PERAK



ENCIK MOHD SUHAIMI MOHD YUNUS
PENGARAH DOSM NEGERI
PULAU PINANG



ENCIK ZURAIDY ZAINAL ABIDIN
PENGARAH DOSM NEGERI
KELANTAN



PUAN SUZANA ABU BAKAR
PENGARAH DOSM NEGERI
KEDAH



PUAN HARTINI YAACOB
PENGARAH DOSM NEGERI
N. SEMBILAN



ENCIK ZAINOL JAMIL
PENGARAH DOSM NEGERI
PAHANG



ENCIK MOHD. SOFI ALI
PENGARAH DOSM NEGERI
TERENGGANU



**ENCIK MOHAMAD HAMIZAN
ABDULLAH**
PENGARAH DOSM NEGERI
MELAKA



PUAN PATHMAVATHI APPULANaidu
PENGARAH DOSM NEGERI
PERLIS

KEWANGAN

PERUNTUKAN BAJET BELANJA MENGURUS 2018 DOSM

Belanja Mengurus yang telah diperuntukkan sebanyak RM174,501,350.00 meliputi peruntukan Dasar Sedia Ada (DSA), One Off (*World Statistics Congress 2019*) dan Program Khusus Bertugas Luar Negara. Setakat 31 Disember 2018, 96.63% peruntukan Belanja Mengurus telah dibelanjakan.

 DASAR	 Peruntukan Diterima (RM)	 Perbelanjaan (RM)	 (%)
Dasar Sedia Ada	173,047,245.46	167,214,726.07	96.63
One Off	1,354,716.54	1,348,316.43	99.53
Program Khusus Bertugas ke Luar Negara	99,388.00	64,723.15	65.12
Jumlah	174,501,350.00	168,627,765.65	96.63



● Dasar Sedia Ada




● One Off




● Program Khusus Bertugas ke Luar Negara

PERUNTUKAN BAJET BELANJA PEMBANGUNAN 2018 DOSM

Belanja Pembangunan yang diterima oleh DOSM bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM68,876,396.00 melibatkan enam (6) projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Sebanyak RM65,602,655.54 iaitu 95.25% peruntukan Belanja Pembangunan telah dibelanjakan sepanjang tahun 2018.





Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong





AKTIVITI UTAMA

DATA

DATA PRIMER: BANCI DAN SURVEI

Seiring dengan ketersediaan maklumat terkini bagi memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dalam persekitaran global yang dinamik dan mencabar, DOSM bertanggungjawab memungut, mentafsir dan menyebar statistik yang bertepatan masa dan relevan. Bagi tujuan tersebut, DOSM telah menjalankan pelbagai banci dan survei secara bulanan, suku tahunan dan tahunan dalam bidang ekonomi dan sosial.

DATA SEKUNDER

Data sekunder merupakan salah satu data yang digunakan oleh DOSM dalam membuat penyusunan statistik. Data tersebut diperoleh daripada pelbagai sumber termasuk rekod pentadbiran yang diperoleh daripada agensi kerajaan dan swasta.

Hasil daripada pelaksanaan banci dan survei serta penyusunan data sekunder ini, DOSM telah menerbitkan 305 penerbitan sepanjang tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 35 penerbitan merupakan penerbitan baharu.

KATEGORI	Bilangan Penerbitan dan Keluaran	
	Keseluruhan	Baharu
Bulanan	192	-
Suku tahunan	46	1
Tahunan	60	29
<i>Ad hoc</i> dan lain-lain	7	5
Jumlah	305	35

RANGKA STATISTIK

Malaysian Statistical Address Register

Malaysian Statistical Address Register (MSAR) merupakan platform pangkalan data tempat kediaman (TK) yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Senarai blok penghitungan (BP) dan TK dikemaskini melalui sistem bersepadu dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Rangka Isi

Rumah di bawah platform *National Enterprise Wide Statistical Systems* (NEWSS). Sistem ini memainkan peranan utama dalam pengeluaran statistik isi rumah dan juga merupakan sumber rangka utama banci dan survei isi rumah yang dilaksanakan di DOSM.

Malaysian Statistical Business Register

Malaysian Statistical Business Register (MSBR) merupakan sumber data untuk menyusun maklumat demografi berkenaan senarai pertubuhan perniagaan yang berstruktur dan syarikat yang beroperasi di Malaysia. Pengemaskinian rangka pertubuhan dilakukan secara atas talian di bawah platform NEWSS. MSBR berperanan sebagai sumber rangka untuk banci dan survei ekonomi di DOSM. Jenis-jenis sektor adalah seperti berikut:

- i. Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan;
- ii. Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara;
- iii. Pembinaan;
- iv. Pembuatan;
- v. Perlombongan dan pengkuarian;
- vi. Pertanian; dan
- vii. Perkhidmatan

The infographic displays seven circular icons, each representing a different sector of the Malaysian Statistical Business Register:

- Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan**: Represented by a blue icon of a water tap with a drop falling.
- Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara**: Represented by a teal icon of an electrical pylon.
- Pembinaan**: Represented by a red icon of a construction crane.
- Pembuatan**: Represented by a dark red icon of a factory building.
- Perlombongan dan pengkuarian**: Represented by a gold icon of an oil rig.
- Pertanian**: Represented by a green icon of a palm tree.
- Perkhidmatan**: Represented by a light blue icon of a computer monitor displaying a chart with a dollar sign.

Malaysian Statistical Business Register
Jenis-jenis Sektor


KONSULTANSI / RUNDINGAN TEKNIKAL

Sebanyak **188** konsultansi/ rundingan teknikal telah diberikan oleh DOSM melalui Bahagian dan DOSM Negeri kepada agensi awam, pihak swasta, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Organisasi Statistik Negara lain bagi tahun 2018.

Bil.	Bahagian/DOSM Negeri	Khidmat Rundingan
1.	BPAN	2
2.	BPE	12
3.	BPIP	11
4.	BPPIB	33
5.	BPPD	19
6.	BPP	25
7.	BKS	6
8.	BPPAS	1
9.	BPTMS	1
10.	BMP	34
11.	BIPD	6
12.	DOSM Selangor	8
13.	DOSM Pulau Pinang	3
14.	DOSM Melaka	5
15.	DOSM Kelantan	3
16.	DOSM Perlis	2
17.	DOSM Negeri Sembilan	2
18.	DOSM Pahang	3
19.	DOSM Perak	6
20.	DOSM Terengganu	6
JUMLAH		188

RUNDINGAN TEKNIKAL

Rundingan teknikal terdiri daripada kaedah pensampelan, metodologi kajian, kod dan klasifikasi, pembekalan senarai rangka dan pemilihan sampel. Rundingan teknikal ini juga termasuk cadangan pembangunan data kajian, jalinan kerjasama bagi pembekalan dan perkongsian data, pengesahan data penerbitan/kajian dan sebagainya. Penglibatan DOSM dalam memberikan khidmat nasihat ini dapat membantu agensi berkaitan dalam melaksanakan kajian yang dilaksanakan serta penghasilan indikator baharu yang diperlukan.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PENCAPAIAN SINGKEKAN

N
C
O
O



Peristiwa

Pelantikan Pengerusi Agenzi Antarabangsa

Pada tahun 2018, DOSM terus melakar kecemerlangan di arena antarabangsa melalui pelantikan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia sebagai *Chairman, Members of the Bureau, Organisation of Islamic Cooperation Statistical Commission (OIC-StatCom)* bagi tempoh 2018 – 2019 pada sidang ke-7 OIC-StatCom yang berlangsung pada 2 hingga 3 Mei 2018 di *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC)*, Ankara, Turki.

OIC-StatCom adalah organisasi yang bertindak sebagai platform untuk Sistem Statistik Kebangsaan Negara-Negara Anggota OIC berkongsi pengetahuan dan bertukar pengalaman serta amalan terbaik dengan tujuan untuk meningkatkan penghasilan statistik sambil dipandu oleh objektif dan prinsip untuk memperkuat perpaduan dan kerjasama di kalangan negara anggota.



Seterusnya, lakaran kecemerlangan ini diteruskan lagi dengan pelantikan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia sebagai *Chairman of the Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)* bagi tempoh 2018 – 2020 semasa sidang ke-6 ESCAP yang berlangsung pada 16 – 19 Oktober 2018 di *United Nation ESCAP*, Bangkok, Thailand.

Pelantikan dalam organisasi antarabangsa adalah merupakan pengiktirafan berprestij kepada DOSM khususnya dan sistem statistik negara, amnya. Ia dilihat begitu signifikan dalam memartabatkan kedudukan DOSM di peringkat antarabangsa.



Majlis Statistik

Mensejahterakan Rakyat

Pada tahun 2018, DOSM telah mencatatkan satu lagi peristiwa bersejarah apabila YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia (TPM) telah melancarkan dua buah buku Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 dan *My Local Stats* 2017 yang julung kalinya diterbitkan oleh DOSM pada Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat yang telah diadakan di Dewan Tun Canselor, Universiti Multimedia Cyberjaya (MMU) pada 26 Julai 2018.

Penerbitan Laporan Sosioekonomi dan *My Local Stats* mengikut negeri ini mengandungi statistik *small area* iaitu peringkat daerah pentadbiran yang akan memberi pelbagai manfaat kepada setiap segmen masyarakat seperti ahli ekonomi, akademik dan individu bagi tujuan penyelidikan dan analisis yang lebih spesifik. Statistik ini melengkapkan ekosistem statistik negara di mana ia berasaskan “daripada rakyat untuk rakyat” dan data yang dikumpul oleh DOSM dapat membantu Kerajaan untuk membuat dasar, perancangan dan pemantauan berdasarkan statistik sebagai bukti.

Antara petikan ucapan YAB Dato' Seri Dr. TPM semasa majlis tersebut adalah

“Pada hari ini kita wajar meraikan pencapaian Jabatan Perangkaan Malaysia kerana telah mengambil inisiatif untuk menyusun dan menerbitkan statistik yang lebih terperinci sehingga ke peringkat daerah. Statistik yang terperinci ini merupakan nadi kepada perancangan yang lebih khusus mengikut bidang fokus.”

Harapan agar sokongan dan kerjasama strategik antara DOSM dengan kementerian, agensi kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta pihak swasta sentiasa berterusan bagi menjamin integriti data yang diterbitkan.



WAN AZIZAH WAN ISMAIL melancarkan buku Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 dan *Mylocal Stats* 2017 di Cyberjaya semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUD

Statistik penting capai janji manifesto

CYBERJAYA 26 Julai - Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, statistik yang relevan daripada Jabatan Perangkaan diperlukan untuk membolehkan kerajaan menjalankan polisi yang betul dan tepat bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampu 2030. "Dari hari ini hingga 2030, kita memerlukan statistik-statistik ini (PH) sama ada dalam maslahat sederhana atau panjang, kota berucap merasmi Statistik Mensejahterakan di sini hari ini."

Hari Statistik Negara 2018

Sambutan Hari Statistik Negara telah dilaksanakan pada 20 Oktober 2018. Pengajuran kali ini adalah kali kedua selepas kerajaan mengiktiraf tarikh 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara. Sambutan utama telah diadakan pada 20 Oktober 2018 bertempat di Universiti Tenaga Nasional, Bangi, Selangor yang telah dirasmikan oleh YB. Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Sambutan ini melibatkan kehadiran pelbagai agensi kerajaan dan swasta, penyelidik, pelajar dan komuniti dengan bertemakan **“Better Data, Better Lives”** atau **“Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera”**.



Selaras dengan objektif sambutan untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman dan mengiktiraf kepentingan statistik dalam masyarakat, pelbagai aktiviti bersama dengan komuniti telah diadakan di seluruh negara dan peringkat negeri bermula dari bulan September dan berakhir pada bulan November 2018.

Antara Program Sambutan oleh DOSM Negeri/Bahagian/Persatuan:




62nd International Statistical Institute

World Statistics Congress (ISI WSC) 2019

1. Sebanyak 9 Mesyuarat Kemajuan Bulanan ISI WSC 2019 telah diadakan sepanjang tahun 2018 bagi memantau kemajuan jawatankuasa utama.



2. Pada Februari 2018, 2nd Strategic Planning Workshop for ISI WSC 2019 telah diadakan di Langkawi, Kedah. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan:





2nd Strategic Planning Workshop for ISI WSC 2019, Langkawi, Kedah

3. ISI Executive & Preparatory Meeting bersama delegasi ISI telah diadakan di Lanai Kijang, BNM pada Mac 2018.




Keluaran Statistik Baharu

DOSM terus meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penghasilan produk baharu pada tahun 2018. Sebanyak 35 penerbitan statistik baharu telah dikeluarkan yang terdiri daripada 15 penerbitan Laporan Sosioekonomi Negeri-negeri, 14 penerbitan *My Local Stats* Negeri-negeri, 2 penerbitan daripada laporan Banci Ekonomi 2016 iaitu Statistik Pelancongan dan Statistik Tenaga & Utiliti serta 4 penerbitan lain iaitu Statistik Guna Tenaga Suku Tahunan, Statistik Jenayah Malaysia 2018, Perangkaan Perkahwinan & Perceraian 2018 dan *The Initial Assessment of The Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia 2018*.

Banci Ekonomi 2016 Statistik Pelancongan

Statistik yang dikeluarkan dalam penerbitan ini meliputi industri pelancongan di dalam sektor perkhidmatan. Industri pelancongan meliputi semua pertumbuhan yang mana aktiviti utamanya adalah berkaitan dengan aktiviti bercirikan pelancongan. Klasifikasi industri pelancongan adalah berdasarkan *Tourism Satellite Account: Recommended Methodological Framework (TSA: RMF) 2008* dan *International Recommendations for Tourism Statistics (IRTS) 2008* yang diterbitkan oleh *United Nations World Tourism Organization (UNWTO)*. Penemuan utama yang diperoleh dan diterbitkan adalah bilangan pertumbuhan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah, nilai harta tetap, negeri, kategori pekerjaan, Pertubuhan Kecil & Sederhana (PKS) dan pemilikan di Malaysia mengikut industri pelancongan. Statistik Pelancongan ini telah diterbitkan pada 29 Januari 2018.






Statistik Guna Tenaga Suku Tahunan

DOSM buat julung kalinya menerbitkan Statistik Guna Tenaga Suku Tahunan yang membentangkan statistik dari sudut permintaan buruh. Statistik ini adalah berdasarkan kepada Survei Guna Tenaga Suku Tahunan (SGTST) yang meliputi aktiviti utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan &

Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan bagi pertubuhan formal di sektor swasta. Pendekatan utama guna tenaga yang dibentangkan dalam penerbitan ini adalah perjawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi dan tahap kemahiran. Penerbitan ini telah dilancarkan pada 20 Julai 2018 di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.



Laporan Sosioekonomi Negeri 2017

Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 yang diterbitkan pada tahun 2018 merupakan laporan yang julung kalinya diterbitkan oleh DOSM. Laporan tersebut telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia sempena Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat yang berlangsung pada 26 Julai 2018 di Universiti Multimedia.

Ia merupakan 15 laporan eksklusif yang merangkumi 13 negeri dan 2 Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan). Laporan tersebut merangkumi statistik ekonomi dan sosial yang meliputi data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Harga Pengguna, kependudukan, guna tenaga, pengangguran, taburan pendapatan dan maklumat-maklumat utama yang lain. Selain itu, indikator-indikator utama yang diperoleh daripada agensi terpilih juga turut dimuatkan dalam laporan tersebut.



MALAYSIA

LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI SELANGOR 2017

ISSN 2600-994X



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



Ms.6



Statistik relevan penting laksana janji Kerajaan

Cyberjaya: Statistik yang relevan daripada Jabatan Perangkaan, amat diperlukan kerajaan Pakatan Harapan (PH) bagi membantu melancarkan pelaksanaan janji manifesto, sama ada dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang, katanya berpuasara pada Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jabatan itu juga perlu mempunyai data berintegrasi dan relevan serta mencukupi bagi menyediakan statistik, sekali gus membolehkan setiap kerementerian dan agensi membuat keputusan polisi yang betul dan tepat.

Beliau berkata, ia bagi memastikan negara mencapai Matlamat Pembangunan Mampu 2030 di mana Agenda 2030 untuk membantu membasmi kemiskinan dan mencapai pembangunan mampu berdasarkan konsensus dicapai di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 25 September 2015.

"Justeru, bermula hari ini hingga tahun 2030, kita juga memerlukan statistik ini bagi membantu keduakan kita setiap tahun supaya berada di landasan yang betul untuk

mencapai matlamat berkenaan.

"Bukan itu saja, statistik yang relevan juga diperlukan bagi membolehkan kerajaan mencapai janji manifesto sama ada dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang," katanya berpuasara pada Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat di sini, semalam.

Maklumat rasmi

Hadir sama, Ketua Perangkaan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin. Pada majlis itu, beliau turut melancarkan Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 dan Laporan My Local Stats 2017.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata, statistik diterbitkan Jataan Perangkaan adalah maklumat rasmi yang boleh dirujuk pengguna di peringkat domestik, mahu pun antarabangsa.

"Penyediaan statistik rasmi yang dilaksanakan Jabatan Perangkaan ditandatakan kepada standard atau piawai dan garis panduan penyusunan yang ditetapkan oleh badan statistik antarabangsa seperti PBB, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Pertubuhan Buruh Antartanahangsa.



Dr Wan Azizah melihat buku Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 selepas majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat di Cyberjaya, semalam.

Laporan *My Local Stats* Negeri 2017

My Local Stats 2017 merupakan satu penerbitan yang baharu dikeluarkan oleh DOSM. Penerbitan *My Local Stats* ini diterbitkan mengikut negeri dan mengandungi statistik sehingga peringkat mikro (*small area*) iaitu peringkat daerah pentadbiran. Sejumlah 271 jadual merangkumi 12 topik Sosial dan 8 topik Ekonomi telah disusun sebagai rujukan penting kepada agensi kerajaan, sektor swasta, komuniti perniagaan, ahli akademik, penyelidik dan juga individu dalam mengukur kesejahteraan sosial serta pencapaian ekonomi di peringkat nasional, negeri dan daerah.

Penerbitan *My Local Stats* mengandungi dua (2) Bahagian iaitu Sosial dan Ekonomi. Bahagian Sosial mengandungi Maklumat Asas; Penduduk; Perumahan; Guna Tenaga; Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah; Pendidikan; Kesihatan; Perkhidmatan Kebajikan; Keselamatan Awam; Perhubungan dan Rekreasi; Internet dan Media Sosial; dan Kemudahan Asas. Manakala Bahagian Ekonomi mengandungi maklumat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK); Indeks Harga Pengguna (IHP); Eksport & Import; Pertanian; Perlombongan dan Pengkuarian; Pembuatan; Pembinaan dan Perkhidmatan.

My Local Stats menyediakan platform untuk mengukur kesejahteraan sosial dan pencapaian ekonomi di peringkat yang lebih mikro iaitu di peringkat daerah, selain peringkat nasional dan negeri.

Laporan tersebut telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia sempena Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat yang berlangsung pada 26 Julai 2018 di Universiti Multimedia.




Banci Ekonomi 2016

Statistik Tenaga dan Utiliti


Penerbitan tersebut menyediakan statistik tenaga dan utiliti mengikut sektor ekonomi, mengikut negeri dan industri tenaga berdasarkan dapatan daripada Banci Ekonomi 2016. Industri tenaga meliputi semua industri berkaitan tenaga seperti yang disyorkan dalam *International Recommendation for Energy Statistics (IRES)* dan *Energy Statistics Compilers Manual (ESCM)* yang meliputi Seksyen B, C dan D manakala industri utiliti di Seksyen E yang dikelaskan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0. Data utama bagi industri tenaga yang diterbitkan ialah nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap. Penerbitan ini juga membentangkan pelbagai statistik termasuk pengeluaran dan penggunaan tenaga & utiliti dan statistik berkaitan lain yang telah diterbitkan oleh Jabatan dan agensi Kerajaan lain.

Majlis soft launch penerbitan tersebut telah diadakan pada 28 November 2018 di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.




Statistik Jenayah 2018

Penerbitan Statistik Jenayah, Malaysia, 2018 merupakan penerbitan pertama Jabatan yang memaparkan statistik bagi lima bidang jenayah iaitu Jenayah Indeks, Dadah, Rasuah, Alam Sekitar dan Jenayah lain yang dibentangkan secara siri masa tiga tahun di peringkat Malaysia, negeri dan daerah. Penyediaan statistik jenayah ini adalah berdasarkan panduan daripada *International Classification of Crime for Statistical Purpose Version 1.0* yang diterbitkan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). Penerbitan ini telah dilancarkan pada 28 Disember 2018 di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.



Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia 2018


Statistik perkahwinan dan perceraian merupakan input penting kepada perancangan dasar sosial bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia dan sebagai sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik. Penerbitan ini mengandungi ringkasan penemuan statistik perkahwinan dan perceraian, jadual peringkat nasional dan negeri mengikut jantina, kumpulan etnik dan umur dan nota teknikal untuk menerangkan konsep dan definisi perkahwinan dan perceraian. Penerbitan ini telah dilancarkan pada 28 Disember 2018 di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.



The Initial Assessment of The Sustainable Development Goals (SDGs) Indicators for Malaysia 2018

Penerbitan *The Initial Assessment of The Sustainable Development Goals (SDGs) Indicators for Malaysia, 2018* merupakan penerbitan pertama yang berkaitan SDGs bagi menerangkan hasil penilaian ketersediaan indikator SDGs yang meliputi 17 Matlamat, 169 Sasaran dan 244 Indikator di peringkat Malaysia.


Penerbitan SDGs telah dilancarkan pada 28 Disember 2018 di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.



Anugerah (MyLocal Stats)

DOSM telah menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (AIJPM) 2018 yang diadakan pada 2 Oktober 2018 (Kategori ICT). Penyertaan AIJPM 2018 telah disertai oleh pelbagai agensi di bawah JPM dengan penyertaan sebanyak 15 projek di bawah kategori Non-ICT dan 21 projek di bawah kategori ICT. *MyLocal Stats* DOSM telah memenangi Pingat Emas semasa Anugerah Inovasi JPM 2018.

MyLocal Stats dibangunkan selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020 iaitu Strategi 3: Memperkasa Sistem Penyampaian Statistik. *MyLocal Stats* merupakan satu aplikasi mudah alih sistem interaktif yang membolehkan pengguna mengakses statistik sehingga peringkat daerah melalui laman web DOSM dan aplikasi telefon pintar masing-masing.



MyLocal Stats dibangunkan dalam dua versi aplikasi iaitu versi web dan versi telefon pintar (*mobile app*).



DIARI DOSM

DIARI
2018
AKIJANG



Diari DOSM



3 Januari 2018 - Kunjungan Hormat daripada Monash University Malaysia kepada Ketua Perangkawan Malaysia, DOSM Putrajaya




4 Januari 2018 - Kunjungan Hormat daripada YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha, Vice-Chancellor UNITEN ke DOSM Putrajaya



16 Januari 2018 - Lawatan Petronas Penapisan Melaka Sdn Bhd ke DOSM Melaka



29 - 30 Januari 2018 - Lawatan Sambil Belajar daripada General Authority for Statistics (GASTAT) of Saudi Arabia berkenaan Statistik Penduduk dan Migrasi, DOSM Putrajaya



5 Februari 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh Bangladesh Bureau of Statistics ke DOSM Putrajaya



5 Februari 2018 - Majlis Perasmian COOP-STATS MART, DOSM Putrajaya



7 Februari 2018 - Pelancaran Malaysia External Trade Statistics, METS Online Ver.3 Menara MATRADE, Kuala Lumpur



11 Februari 2018 - Sesi Pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) antara DOSM dan Pihak Berkwasa Wilayah Iskandar Malaysia (IRDA), KLCC, Kuala Lumpur



15 Februari 2018 - Taklimat Statistik Ekonomi Suku Tahun Keempat 2017 Sunway University, Petaling Jaya, Selangor



20 - 21 Februari 2018 - Lawatan Sambil Belajar Negara CLMV (Cambodia, Laos, Myanmar and Vietnam) untuk mempelajari kegunaan survei dalam pengeluaran Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS), DOSM Putrajaya



19 - 23 Februari 2018 - Bengkel Interactive & Integrated Supply And Use Tables (SUT) Management System bersama Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia



28 Februari 2018 - Majlis Pengumuman Indeks Harga Pengguna Malaysia (IHP) Januari 2018 yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri KPDKK, KPDKK Putrajaya

LAPORAN TAHUNAN 2018

Jabatan Perangkaan Malaysia



13 Mac 2018 - Majlis Menandatngani MoU antara DOSM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Gombak Selangor



19 Mac 2018 - Soft Launch Laporan Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah Malaysia 2017, DOSM Putrajaya



28 Mac 2018 - Kunjungan Hormat daripada YBhg. Datuk Dr. Hafsa Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.) ke DOSM Putrajaya



28 Mac 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh SMK King George V, Seremban, Negeri Sembilan ke DOSM Putrajaya



5 April 2018 - Lawatan Kerja DOSM ke Malaysia Rail Link (MRL), Kuala Lumpur



10 April 2018 - BNM-AFI Joint Learning Programme on Building an Inclusive MSME Financing Ecosystem, DOSM Putrajaya



12 April 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh Universiti Selangor (UNISEL) ke DOSM Putrajaya



12 April 2018 - DOSM ke MYHSR Corporation Sdn. Bhd. di Platinum Sentral, Kuala Lumpur bagi mendapatkan informasi berkenaan status projek HSR yang sedang dilaksanakan



11 - 13 April 2018 - The Study Visit of BPS-Statistics Indonesia on the Population and Housing Census 2020, DOSM Putrajaya



16 – 27 April 2018 - Bengkel Hands-On Training on the Compilation of Supply And Use Tables and Workshop on Economic Analysis Using Input - Output Table, DOSM Putrajaya



17 April 2018 - Perbincangan Berkaitan Program Corporate Social Responsibility (CSR) Bersama Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCeb) di MyCeb, Kuala Lumpur



17 April 2018 - Kunjungan Hormat daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP) ke DOSM Putrajaya

Diari DOSM



17 April 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) ke DOSM Putrajaya



24 April 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke DOSM Putrajaya



25 April 2018 - Courtesy Visit by the Asian Development Bank (ADB) in conjunction with Hands-on Training on the Compilation of Supply & Use Table and Workshop on Economic Analysis Using Input-Output Table, DOSM Putrajaya



8 Mei 2018 - Taklimat Prestasi Ekonomi Negeri & Statistik Gaji & Upah 2017 DOSM Putrajaya



14 Mei 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke DOSM Putrajaya



16 Mei 2018 - Sesi Engagement Statistics Big Data Analytics (STATSBDA), Pusat Konvensyen TM, Kuala Lumpur



24 Mei 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh UiTM Cawangan Pahang Kampung Raub ke DOSM Putrajaya



7 Jun 2018 - UBRS Session-Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS), DOSM Putrajaya



25 - 28 Jun 2018 - The United Nation Regional Workshop on the 2020 World Programme on Population and Housing Censuses, Hotel Park Royal, Kuala Lumpur



5 Julai 2018 - Statistics Talk bersama Ketua Perangkawan Malaysia di SMK Taman Jasmin 2, Kajang, Selangor



6 Julai 2018 - Majlis Menandatangani MoU antara DOSM dan UNITEN, Bilik Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, UNITEN, Bangi



26 Julai 2018 - Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat 2018 bersama YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dewan Tun Canselor, Universiti Multimedia Cyberjaya, Selangor

LAPORAN TAHUNAN 2018

Jabatan Perangkaan Malaysia



1 Ogos 2018 - Kunjungan Hormat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan Kajian Indeks Harga Pengguna & Perbelanjaan Isi Rumah, DOSM Putrajaya



16 Ogos 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh SMK Sri Andalas, Klang ke DOSM Putrajaya



2 - 4 September 2018 - *The 2nd Statistical and Database Working Group (SDWG) Meeting dan BIMP-EAGA The 6th Trade and Investment Facilitation Cluster (TIFC) Meeting* yang telah dihadiri oleh wakil BPPA di Kuching, Sarawak



12 September 2018 - Kunjungan Hormat oleh Ketua Perangkawan Malaysia kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, JPA, Blok C1, Kompleks C, Putrajaya



4 - 5 Oktober 2018 - Kolokium Statistik dan Research Poster 2018 di ILSM



5 Oktober 2018 - Kunjungan Hormat daripada Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia ke DOSM Putrajaya



20 Oktober 2018 - Hari Statistik Negara 2018, UNITEN, Kajang



22 - 23 Oktober 2018 - Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Horizon Baru di ILSM



24 Oktober 2018 - Kunjungan Hormat ke Jabatan Mufti Negeri Perlis oleh Pengarah DOSM Perlis



12 - 15 November 2018 - Lawatan Sambil Belajar oleh Bangladesh Bureau of Statistics (BBS) ke DOSM Putrajaya



12 - 14 November 2018 - Lawatan Sambil Belajar berkenaan Sozial Media oleh Central Statistical (CSO) Iraq ke DOSM Putrajaya



19 November 2018 - *6th Malaysia Statistics Conference 2018 (MyStats 2018)* Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Diari DOSM



22 November 2018 - Kunjungan Hormat oleh *Bangladesh Bureau of Statistics* (BBS) ke DOSM Putrajaya



27 November 2018 - Kunjungan Hormat daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak ke DOSM Putrajaya



28 November 2018 - Kunjungan Hormat daripada Duta Besar Belgium ke Malaysia, Mr. HE Pascal Grégoire ke DOSM Putrajaya



3 - 6 Disember 2018 - Lawatan Sambil Belajar Berkenaan "Rebasing" Siri Masa Akaun Negara oleh *Nepal's Central Bureau of Statistics* (CBS) ke DOSM Putrajaya



6 Disember 2018 - Kunjungan Hormat Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) ke DOSM Putrajaya



7 Disember 2018 - Kunjungan Hormat daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) ke DOSM Putrajaya



10 - 12 Disember 2018 - *Regional Conference on The Development of Viable Statistical Infrastructure and Technical Training on Statistical Business Registers*, Pullman Kuala Lumpur City Centre Hotel And Residences, Kuala Lumpur



19 Disember 2018 - Kunjungan Hormat daripada Duta Besar Azerbaijan ke DOSM Putrajaya



26 Disember 2018 - Majlis Pelancaran Penerbitan Jadual *Input-Output* Malaysia 2015 Jabatan Perangkaan Malaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



MODAL INSAN

& PEMBANGUNANKAPASITI



PERJAWATAN

“ Pada tahun 2018, daripada 3,184 perjawatan, sebanyak 2,877 telah diisi dengan pecahan seperti berikut. ”

Bil.	Kumpulan Perjawatan	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian	Peratus Pengisian
1	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	8	7	87.5%
2	Pengurusan dan Profesional	422	370	87.67%
3	Kumpulan Sokongan 1	2,628	2,385	90.75%
4	Kumpulan Sokongan 2	126	115	91.26%
JUMLAH		3,184*	2,877	90.35%

* Termasuk 40 jawatan kumpulan


Perjawatan dan Keanggotaan:

Secara keseluruhannya, pada tahun 2018 DOSM mempunyai 3,184 perjawatan terdiri daripada 1,017 perjawatan di Ibu Pejabat dan 2,167 perjawatan di peringkat Negeri. Bilangan pengisian anggota sehingga 31 Disember 2018 adalah pada kadar 91.64% di Ibu Pejabat dan 89.76% di peringkat Negeri.



Perjawatan Kader:

Sebanyak 233 perjawatan kader perangkaan diwujudkan di pelbagai agensi kerajaan lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 188 orang atau 80.69% pegawai perangkaan kader ditempatkan di kementerian dan jabatan persekutuan. Penempatan ini adalah berdasarkan waran perjawatan dan permohonan daripada agensi kerajaan tersebut.





INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM): STATISTIK MENJANA MINDA KREATIF



VISI

- Menjadi institusi pembelajaran statistik yang unggul

MISI

Memperkasa pembangunan modal insan yang cemerlang melalui pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif



LATAR BELAKANG

- Pembinaan ILSM yang dimulakan pada tahun 2009 ini telah siap sepenuhnya pada 28 Disember 2011 dan telah mula beroperasi pada 3 Januari 2012.




ILSM telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Riduan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah pada 7 September 2017.

ILSM memiliki keluasan melebihi 40 ekar di Sungkai, Perak yang terdiri daripada satu blok pentadbiran dan satu blok penginapan berserta kemudahan riadah. Institut ini dilengkapi dengan enam bilik kuliah, 10 bilik sindiket, dua makmal komputer dan satu makmal bahasa. Institut ini boleh menampung seramai 150 orang peserta dalam satu masa dengan kemudahan sejumlah 100 bilik penginapan.


Sebanyak 32 kursus dalaman anjuran ILSM telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari sehingga November 2018. Pecahan kursus mengikut kategori pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
1	<i>Functional</i>	17	367
2	<i>ICT</i>	9	141
3	<i>Generic</i>	5	153
4	<i>Behaviour</i>	1	46
Jumlah		32	707

Gred 48 ke atas
Pengurusan dan Profesional



JUMLAH : 32 KURSUS MENGIKUT JAWATAN



KURSUS DAN PROGRAM LATIHAN (BENGKEL/ SEMINAR)

Statistician Competencies Development Programme (SCDP) Siri 1/2018

Program SCDP Siri 1/2018 telah dilaksanakan pada 21 Mei 2018 sehingga 14 September 2018. Seramai 15 orang Perangkawan Gred E41 lantikan baharu telah terpilih untuk mengikut program tersebut selama empat (4) bulan bertempat di ILSM. Peserta telah didedahkan dengan aspek pembentukan sikap (*attitude*), pelbagai kemahiran (*skills*) serta kepentingan ilmu pengetahuan (*knowledge*) dan dilengkapkan dengan modul yang merangkumi latihan seperti :

- i. Pembentukan nilai dan teras meliputi ketepatan masa, disiplin, penampilan diri dan penerapan sikap positif seiring dengan budaya DOSM.
- ii. Generik yang meliputi pentadbiran, kewangan, keselamatan, kepimpinan, *English Proficiency*, pengucapan awam, etiket dan protokol, pembinaan sahsiah diri dan pengukuhan integriti;
- iii. Latihan secara praktikal serta ujian bertulis melibatkan aktiviti analisis data dengan menyediakan laporan, kajian kes yang meliputi pelan dan laporan ekonomi peringkat nasional serta kenegaraan; dan
- iv. Aktiviti jati diri melibatkan pembinaan pasukan, *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan riadah.



Sesi Pembelajaran SCDP



Aktiviti Luar (Riadah) SCDP

Sesi Pemukiman Strategik DOSM 2018 pada 21 hingga 24 Januari 2018 di Akademi Laut Malaysia (ALAM)

ILSM telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan melaksanakan aktiviti *indoor* dan *outdoor* sepanjang sesi ini berlangsung, antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah *team building*, *fit DOSM*, Teh Tarik Session with Chief Statistician dan *water rafting*.



Regional Course on Statistical Business Registers (SBR): Data Sources, Maintenance and Quality Assurance

Pada 21 hingga 25 Mei 2018, ILSM telah menganjurkan *Regional Course on Statistical Business Register (SBR): Data Sources, Maintenance and Quality Assurance*. Kursus ini telah melibatkan peserta daripada tujuh (7) buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Vietnam, Thailand, Sri Lanka, Filipina dan Myanmar. Pensyarah yang dijemput terdiri daripada wakil *Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP)* iaitu Mr. Evan Brand, wakil daripada *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)* iaitu Mr. Michael Biddington dan 2 orang wakil daripada *Department of Statistics Malaysia (DOSM)* iaitu Puan Riyanti Saari dan Puan Sabrina Sabri. Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 29 orang dan 4 orang pensyarah.



Tacit Knowledge Session

Sebanyak tiga (3) sesi perkongsian *Tacit Knowledge* telah dilaksanakan pada bulan Mac sehingga Ogos 2018. Tujuan sesi ini dilaksanakan adalah bagi menggalakkan perkongsian dan pemindahan pengetahuan *tacit* kepada generasi DOSM yang baru supaya dapat digunakan dan dirujuk sebagai amalan terbaik bidang tugas anggota.



Kolokium Statistik dan Research Poster

Kolokium Statistik dan *Research Poster* 2018 telah diadakan di ILSM pada 4 - 5 Oktober 2018. ILSM dengan kerjasama Bahagian Metodologi dan Penyelidikan melaksanakan penganjuran kolokium bersama dengan pameran *Research Poster* terpilih. Antara objektif penganjuran:

- i. Menggalakkan aktiviti penyelidikan dan penulisan teknikal di kalangan anggota;
- ii. Menggalakkan anggota untuk meningkatkan keupayaan di dalam penggunaan *Statistical Analysis Tools* yang terkini;
- iii. Membudayakan teknik penyampaian yang berkesan dan kemahiran berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris; dan
- iv. Menggalakkan penganjuran medan ilmu yang berupaya menyediakan wadah pertukaran idea di dalam percambahan ilmu baharu.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia. Sesi pembentangan kertas kerja oleh agensi luar yang dijemput khas adalah dari Institut Pengajian Matematik (INSPEM), UPM dan Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM. Program diteruskan dengan sesi pembentangan oleh pegawai – pegawai dari DOSM yang mewakili Bahagian dan Negeri masing – masing. Sebanyak 15 kertas kerja telah dibentangkan dalam program ini.



Sesi bergambar bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia



Kehadiran peserta DOSM dan agensi luar

LAWATAN RASMI KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA KE DOSM NEGERI

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke DOSM Negeri dan Pejabat Operasi (PO) di negeri sepanjang tahun 2018. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melihat perkembangan kerja, berbincang mengenai aktiviti kerja survei dan menyampaikan amanat kepada warga DOSM di samping dapat beramah mesra dengan warga DOSM Negeri.

Jadual Lawatan ke DOSM Negeri 2018:



LAPORAN TAHUNAN 2018
Jabatan Perangkaan Malaysia



SCAN QR CODE HERE



MENU

INDICATORS

MY LOCAL STATS

ABOUT US

CONTACT US

OUR LOCATIONS

Version 2.0
(c) 2017 DOSM Malaysia



Please choose a State:



© 2019 Mapbox © OpenStreetMap

Land Area (km²) **7,931**

Total Population
(in thousands)

6,401.2



3,349.3 3,051.7

Note: Population data are
based on projection 2017

Birth



108,131



55,720



52,411

Note: 1. Land Area are based on 2016
2. Birth and Death are based on 2016

updated : 22-

MODENASI DAN INOVASI STATISTIK

Home

Bizcode@Stats

M N R

Copyright © 2017 Bizcode@Stats Mobile Apps.
Statistics Malaysia. All Right Reserved

My Local Stats

Population Quick Stats

SELANGOR

Pahang

Selangor

Wawasan Putra Putra

Negeri Sembilan

Age Group Composition (in thousands)

Age Group	Value
0 - 14	1,549.6
15 - 64	4,522.8
65+	328.9

Death

Category	Value
Male	23,804
Female	13,689
Total	10,115

2016

Sustainable Development Goals (SDGs)

Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan agenda global yang dipersetujui oleh semua Ketua-ketua Negara untuk melaksanakan Agenda 2030 bagi pembangunan mampan mulai 2016 sehingga 2030. SDGs atau secara rasminya dikenali sebagai *Transforming Our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development* menetapkan 17 Matlamat, 169 Sasaran dan 244 Indikator sebagai kayu pengukur pencapaian negara yang merangkumi dimensi sosial (137 indikator), alam sekitar (58 indikator) dan ekonomi (49 indikator).

DOSM telah diberi tanggungjawab sebagai *Focal Point* dalam pembangunan indikator SDGs di peringkat Malaysia. DOSM telah mengorak langkah dengan membangunkan *National SDGs Data Monitoring Dashboard Phase 1*. Pembangunan dashboard ini telah mendapat sokongan penuh dari *United Nation Country Team (UNCT)*. Bagi fasa pertama ini, DOSM perlu membangunkan *Blueprint Framework* dan *Mock Up System* bagi *National SDGs Data Monitoring Dashboard*.

Pembangunan dashboard ini dilengkapkan dengan penggunaan *Blockchain Technology* yang membolehkan perkongsian data SDGs dilaksanakan dengan *transparent* dan setiap aktiviti boleh direkod dengan cekap. SDGs *Monitoring Dashboard* memaparkan laporan analitik yang diproses dan disusun bagi membolehkan keputusan yang bijak dan telus dibuat serta boleh meningkatkan analisis pembuat dasar, pemantauan dan pelaporan kemajuan di semua peringkat. Namun begitu, kejayaan pembangunan SDGs *Monitoring Dashboard* turut bergantung ketersediaan data melalui kerjasama strategik berterusan oleh semua kementerian dan agensi yang berkaitan dengan 244 indikator dalam merealisasikan "Leave No One Behind" atau "Tiada Siapa Yang Ketinggalan".

Pelancaran penerbitan "*The Initial Assessment of The Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia 2018*" oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah diadakan pada 28 Disember 2018.



Projek Statistics Big Data Analytics (STATSBDA)



16 Jan 2018 - Sesi Development Review STATSBDA di The Everly Hotel, Putrajaya

Projek STATSBDA secara rasminya menandakan bermulanya inisiatif DOSM bagi memenuhi hasrat Kerajaan ke arah pelaksanaan *Digital Government* dalam meningkatkan nilai perkhidmatan awam, antaranya menerusi *Big Data Analytics* dan *Internet of Things*, di mana kedua-dua perkara ini telah dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Projek ini juga merupakan satu inisiatif DOSM untuk meningkatkan keupayaan Kerajaan bagi membuat keputusan berdasarkan data dan fakta, membangunkan bakat dalam *Big Data Analytics* serta bertindak balas terhadap keperluan kritikal agenda transformasi negara.

Inisiatif ini juga turut memberikan potensi yang besar dalam pelbagai peringkat terutama dalam proses pembentukan polisi yang terbaik kepada rakyat dan negara. Analisis *Big Data* juga berupaya menjimatkan kos dan masa dalam membuat keputusan perniagaan selain sentiasa kompetitif dalam pasaran. Antara pembangunan projek STATSBDA adalah seperti berikut:


Trade by Enterprise Characteristic (TEC)

TEC merupakan inisiatif di bawah *structured data* di mana iaanya merupakan integrasi data pentadbiran yang bersaiz besar daripada Kastam Diraja Malaysia bersama MSBR untuk penghasilan statistik baharu tanpa perlu menjalankan survei baharu.



Price Intelligence (PI)

PI adalah inisiatif bagi *unstructured data* di mana kaedah modenisasi dalam pungutan data harga dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti Indeks Harga Pengguna (CPI) dan dimodenkan dengan menggunakan teknik *web scraping* daripada laman web yang berkaitan.



Public Maturity Assessment on Official Statistics (PMAOS)

PMAOS merupakan *sentiment analysis* yang membolehkan menilai sejauh mana penerimaan orang ramai terhadap statistik yang diterbitkan oleh DOSM. Maklumat yang diperoleh daripada laman sosial seperti Facebook dan Twitter dapat membantu DOSM untuk menilai sama ada perkhidmatan statistik yang disediakan dapat memenuhi kehendak pengguna. Modul ini turut dibangunkan secara bersekali bersama *Real Time News on Official Statistics (RTOS)*.




Real Time Business Status (RTBS)

RTBS merupakan pelaksanaan modul sokongan yang turut menjalankan hubungan kerjasama strategik bersama pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui integrasi sistem secara atas talian di antara DOSM dan SSM yang dikenali sebagai SSM Middleware. Ia merupakan perkhidmatan web, di mana DOSM perlu menghantar permintaan berdasarkan format yang telah ditetapkan untuk mendapatkan maklumat perniagaan atau syarikat yang terkini.



BIZCODE@STATS merupakan platform kepada pengguna untuk mengakses aplikasi kod dan klasifikasi statistik melalui peranti mudah alih di mana walaupun tiada sambungan *internet*, ia tetap boleh digunakan.



Portal Banci dan Stats Geoportal

Portal Banci dan Stats Geoportal dibangunkan untuk menghasilkan pengurusan sistem maklumat Banci dan *Geographical Information System* (GIS) yang lebih fokus dan sistematik. Ia turut memperkasa serta memperkuuhkan penyampaian maklumat data banci dan data geospatial yang berterusan kepada orang awam, di samping menjadi platform kepada salah satu kaedah banci iaitu e-Census (www.mycensus.gov.my). Portal Banci dan

Stats Geoportal dilihat sebagai *one stop centre* bagi penyebaran maklumat pra, semasa dan pasca banci serta menyediakan platform pemantauan operasi. Portal Banci merupakan gerbang kepada keseluruhan aplikasi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) yang akan dilaksanakan oleh DOSM. Portal ini dibangunkan dan dihubungkan dengan Portal DOSM dengan fungsinya difokuskan kepada program Banci 2020.



SELAMAT



DATANG

www.mycensus.gov.my
www.mycensus.gov.my/geostats


@StatsMalaysia

@StatsMalaysia
@mycensus2020

@StatsMalaysia



Stats Geoportal pula merupakan aplikasi Geospatial (GIS) di mana data geospatial DOSM yang menggabungkan maklumat spatial dan textual dipaparkan dalam bentuk web. Ini membolehkan para pengguna dapat melihat maklumat statistik dalam bentuk geospatial di pelbagai peringkat geografi.



Sehingga Disember 2018, sebanyak 6,902 pelawat telah melayari laman Portal Banci dan Stats Geoportal.



30 Mei 2018 - Majlis pelancaran Portal Banci & Stats Geoportal oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin


Aplikasi Mudah Alih (Mobile App)

DOSM telah menyediakan statistik yang lebih interaktif dan mudah difahami melalui aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai *MyLocal Stats* dan *BizCode@Stats*. *MyLocal Stats* mempamerkan statistik di peringkat daerah meliputi kependudukan, demografi dan indikator ekonomi & sosial terpilih. Data yang dikemaskini berdasarkan Kalender Keluaran Awalan. Setiap kali anda membuka aplikasi, data akan dikemaskini di peranti mudah alih anda untuk memaparkan maklumat statistik terkini.

BizCode@Stats adalah platform perkongsian aktiviti kod dan klasifikasi statistik keluaran DOSM yang dibangunkan berdasarkan standard

pengkelas antarabangsa. *BizCode@Stats* dibangunkan untuk memudahkan pengguna mengenalpasti kod beserta keterangan secara interaktif melalui aplikasi mudah alih.

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Google Play (Android)* dan *Apple Store (IOS)* dengan kata carian “DOSM” dan “*BizCode@Stats*”. Sehingga Disember 2018, lebih 500 pengguna telah memuat turun aplikasi *BizCode@Stats* dan lebih daripada 1,200 pengguna telah memuat turun aplikasi *MyLocal Stats*. Melalui pembangunan aplikasi *MyLocal Stats* ini, DOSM telah mendapat pengiktirafan dengan **memenangi Pingat Emas sempena Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2018**.



Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS)



MyIPCS merupakan kerangka kerja bersepadu yang meliputi semua aktiviti yang akan dilaksanakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. MyIPCS bertujuan mewujudkan sistem banci berpusat dan menyeluruh yang menyediakan rangka kerja seragam dan bersepadu meliputi proses pra-pengumpulan data, pengumpulan, pemprosesan, analisis dan penyebaran produk statistik. MyIPCS merupakan inovasi terkini dalam pelaksanaan Banci 2020 bagi memastikan data banci dapat dihasilkan dengan lebih cepat bagi kegunaan perancangan dan pembangunan negara.

User Business Requirement Specification (UBRS) MyIPCS

UBRS MyIPCS merupakan platform kepada kontraktor untuk mengenal pasti keperluan sistem yang dikehendaki oleh DOSM dalam membangunkan projek MyIPCS. Perbincangan dua hala pada sesi ini dapat membantu kontraktor untuk memahami proses, dasar dan prosedur yang diamalkan oleh DOSM. Ia turut merangkumi ciri-ciri sistem, fungsi sistem, proses aliran kerja dan lain-lain.

Objektif UBRS MyIPCS:

- i. Memberi pendedahan kepada Jawatankuasa Kerja Banci 2020 berkaitan modul yang sedang dibangunkan dalam MyIPCS;
- ii. Membantu kontraktor untuk memahami konsep dan proses aliran kerja Banci bagi pembangunan sistem MyIPCS; dan
- iii. Memuktamadkan dokumen UBRS Projek MyIPCS.

Prototyping & Functional Document Specification (PFDS) MyIPCS

PFDS MyIPCS bertujuan untuk penyediaan Dokumen PFDS MyIPCS dan pembentangan prototaip yang dibangunkan oleh kontraktor kepada DOSM. PFDS MyIPCS ini merupakan platform bagi memuktamadkan proses utama dan reka bentuk aplikasi *Conceptual Solution Architecture Model* (CSAM) yang menggambarkan komponen aplikasi, *interfaces* dan keperluan data untuk dilaksanakan dalam sistem MyIPCS.

Objektif PFDS MyIPCS :

- i. Membentangkan keperluan teknikal utama sistem MyIPCS seperti *mock-up*, reka bentuk skrin, carta alir, integrasi aplikasi dan rangka kerja keperluan sistem MyIPCS;
- ii. Memuktamadkan fasa pra-pembangunan sistem berdasarkan analisa konsep dan skop keperluan kerja untuk melengkapkan keperluan fungsi sistem MyIPCS; dan
- iii. Memuktamadkan dokumen PFDS MyIPCS.

Stats Digital

Makmal Pendigitalan Penerbitan DOSM atau dikenali sebagai *StatsDigital* adalah satu *platform* atau *hub* simpanan *softcopy* naskhah penerbitan DOSM yang lama dan baharu bagi tujuan rujukan kepada anggota Jabatan dan pengguna luar. *StatsDigital* juga berfungsi sebagai medium untuk mengakses penerbitan DOSM dengan cara yang lebih mudah dan mesra pengguna.

Projek *StatsDigital* dibangunkan hasil daripada rentetan kewujudan pangkalan data penerbitan yang berskala kecil. Setelah melalui beberapa fasa perbincangan dan sesi uji cuba, jelas dilihat projek *StatsDigital* memerlukan

lebih perincian daripada segi arkitektur sistem dan penggunaan teknologi (*high-end*).

Selaras dengan itu, makmal pendigitalan dibina dan dilengkapi dengan mesin pengimbas berteknologi tinggi yang mampu mengimbas pelbagai jenis tulisan dan saiz selain perisian yang pelbagai bagi tujuan suntingan dan *data extraction*. Nilai tambah projek bukan hanya menghasilkan penerbitan dalam bentuk e-book tetapi juga data yang akan diekstrak daripada hasil imbasan, kemudiannya diterjemah dalam bentuk jadual (excel, csv) dan data set.



Makmal Pendigitalan Penerbitan DOSM atau dikenali sebagai *StatsDigital* telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia pada 3 November 2018 bertempat di Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 100 penerbitan dan 662 data telah dimuat naik ke Portal *StatsDigital*.

Statistics Data Warehouse *(StatsDW)*

StatsDW merupakan *Enterprise Data Warehouse* (EDW) DOSM. Ia menyimpan **data lampau** seawal tahun 1974 daripada pelbagai banci dan survei yang dijalankan oleh DOSM. StatsDW ini membolehkan akses yang cepat dan mudah kepada data yang disimpan (contohnya: data siri masa) dan memudahkan akses yang lebih luas kepada pengguna mengikut keperluan pengguna dan tahap akses yang dibenarkan.

Selain berfungsi sebagai storan data, ia juga menyediakan platform interaktif melalui **eDataBank**, **Data Visualisation** dan **Location Intelligence** di mana pengguna boleh meneroka dan menggunakan secara bebas.



eDataBank

eDataBank merupakan bank data elektronik DOSM. Pengguna boleh menyusun jadual dan graf mereka sendiri dan mengeksport jadual ini dalam format fail yang berbeza. Maklumat ini boleh diakses, dimuat turun dan dicetak.



Data Visualisation

DOSM secara tradisinya mempersesembahkan data dalam pelbagai cara: dalam artikel, siaran akhbar, jadual, bank data, peta, carta bar, carta pai dan graf garis. Teknik visualisasi interaktif baru telah mula diperkenalkan pada tahun 2015, dengan Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Piramid Penduduk sebagai contoh terbaik. Visualisasi seperti ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai bagaimana data penting dalam bidang tertentu berinteraksi.



Pertanian



Pembinaan



Sektor Luar Negeri



Pendapatan Istimewa dan Perbelanjaan



Pengangkutan Tenaga Manusia dan Sosial



Pembuatan



Perlembagaan dan Pengurusan Satu



Akun Negara



Penduduk dan Demografi



HargaHarga



Perkhidmatan



Utility



Location Intelligence

Peta merupakan cara yang terbaik bagi menyampaikan maklumat statistik. Ianya bukan sahaja menarik malah memudahkan pengguna memahami data yang berkaitan dengan lokasi dan membantu mengenalpasti trend geografi dalam sesuatu data yang mungkin susah digambarkan melalui carta dan jadual. *Location Intelligence* digunakan bagi memaparkan maklumat statistik berkaitan lokasi melalui peta interaktif, carta dan graf.

Location Intelligence digunakan untuk menganalisis data secara interaktif melalui peta. Paparan akan menggunakan peta tunggal atau kombinasi analisis seperti grid, graf atau teks dinamik. Antara sektor yang diliputi adalah:

- Pertanian;
- Pembinaan;
- Sektor Luar Negeri;
- Pendapatan Isi Rumah dan Perbelanjaan;
- Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial;
- Pembuatan;
- Perlombongan dan Pengkuarian Batu;
- Akaun Negara;
- Penduduk & Demografi; dan
- Harga-Harga.



Sebelum melalui proses modenisasi, *data historical* dan penerbitan dikumpul dan disimpan di pangkalan data secara *silo* dan *stand alone* di Bahagian Butiran Perkara masing-masing. Ini telah memberi implikasi dari segi *harvesting data* yang terbatas, pengurusan data yang tidak cekap, dan *data archiving* yang tidak tersusun. StatsDW telah mengubah persekitaran pengurusan, keselamatan dan pengarkiban data di Jabatan dengan penggunaan teknologi moden bagi memenuhi keperluan *stakeholders*, industri dan rakyat untuk membuat keputusan berdasarkan fakta.

Setakat ini, StatsDW meliputi data tahunan sahaja dan bukan data terkini. Pihak Jabatan akan memperluaskan skop untuk suku tahunan dan bulanan pada masa hadapan. Pengguna dinasihatkan untuk mengakses portal Jabatan Perangkaan Malaysia www.dosm.gov.my untuk siaran terkini.



KOMUNIKASI STATISTIK



MEDIUM PENYEBARAN STATISTIK

“DOSM telah menggunakan pelbagai medium komunikasi untuk menyebarkan statistik rasmi negara kepada masyarakat umum. Antaranya, mengeluarkan penerbitan dalam bentuk *hardcopy* dan muat turun percuma melalui e-Statistik yang terdapat dalam portal DOSM, penggunaan media sosial iaitu **Facebook**, **Twitter**, **Instagram** dan **Youtube** iaitu StatsMalaysia dan aplikasi mudah alih (*My Local Stats* dan *Bizcode@Stats*).”

Selain itu, masyarakat umum boleh memperoleh indikator utama ekonomi, penduduk dan sosial melalui perkhidmatan *WhatsApp* dan emel kepada beberapa kumpulan sasaran seperti Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Jabatan, duta-duta, Kesatuan Sekerja serta juga kepada pengetua sekolah seluruh negara.



DOSM@Media **Cetak dan Elektronik**

“ Sepanjang tahun 2018, DOSM telah mengeluarkan **200** kenyataan akhbar berkaitan aktiviti yang dijalankan dan produk Jabatan pada tarikh siaran data. Kenyataan akhbar tersebut telah diedarkan kepada semua media tempatan dan antarabangsa. Dalam tempoh tersebut lebih **1,200 artikel** berkaitan DOSM telah disiarkan oleh akhbar bercetak dan atas talian. ”



menurun 0.9 peratus pada Ogos 2018.

IP itu disusun untuk memberikan isyarat ke mana arah tuju ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Bagaimanapun, beliau berkata, perubahan bulanan IP meningkat 0.3 peratus kepada 118.9 mata berikutnya kenaikan 0.1 peratus pada Julai 2018.

JULY 2018

Peningkatan unit kediaman

"Tiga komponen IP yang menyumbang kepada peningkatan adalah bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan (+0.5 peratus), penawaran wang baran, M1 (+0.2 peratus) dan import benar semi konduktor (+0.2 peratus)," kata Mohd

Sementara itu jabatan itu me-


A portrait of a man with dark hair, wearing glasses and a mustache, looking slightly to the left.

Mohd Uzir Mahidin

DOSM@Media Sosial

Komunikasi strategik menjadi alat pengukuran yang penting dalam pengukuhan citra DOSM dan penyampaian secara komprehensif. Justeru, penggunaan teknologi digital dan media sosial menjadi wahana yang kritikal dalam membentuk pendekatan komunikasi semasa yang menepati situasi dan kumpulan sasaran masa kini.

“Sehingga **31 Disember 2018**, DOSM mempunyai jumlah pengikut berdasarkan aplikasi media sosial seperti berikut: **Facebook (FB) (14,325)**, **Twitter (2,850)** dan **Instagram (1,542)**. Facebook merupakan jaringan sosial yang paling popular dan sepanjang 2018, dengan **lebih 1,500 posting**, jumlah **LIKE** dan **follower Facebook** (FB) rasmi DOSM telah meningkat masing-masing kepada **13,775** dan **14,325** berbanding 5,400 yang direkodkan pada tahun 2017. ”



Realiti hari ini menampakkan ledakan media sosial dan rangkaian teknologi banyak mempengaruhi lanskap komunikasi dan penyampaian maklumat. Justeru itu, kita perlu memanfaatkan kelebihan media sosial untuk meraih maklum balas dan mendapatkan idea baharu dan relevan dengan perkembangan masa kini. Melalui media sosial, kita banyak berkongsi maklumat yang informatif dan terkini, menyampaikan dan menyebarkan penerbitan

statistik serta meluaskan penyebaran ilmu untuk manfaat masyarakat. Justeru, media sosial dan rangkaian teknologi aplikasi seumpama ini mestilah menjadi instrumen dan wahana DOSM untuk mencerna informasi atau mendengar cadangan yang amat berguna bagi penambahbaikan yang berterusan, dan sekali gus menjadikan DOSM terus kekal relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Aplikasi Atas Talian@Portal DOSM

Domain Portal rasmi DOSM boleh dilayari melalui www.dosm.gov.my. Sehingga 31 Disember 2018, portal ini telah dikunjungi lebih daripada 105 juta pelawat. Portal yang dilengkapi dengan pelbagai aplikasi dalam talian ini memudahkan capaian statistik oleh pengguna.

1,438,365 transaksi **e-Statistik** dengan **1,171,617** transaksi muat turun percuma penerbitan DOSM dan permintaan data



51,862 transaksi **Population Quick Info**

Siri masa data penduduk mengikut negeri, kumpulan, etnik, umur dan jantina.



178,252 transaksi **Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Atas Talian** (METS Atas Talian)

Statistik perdagangan luar negeri (barang) antara Malaysia dengan negara lain.



22,189 transaksi **Malaysia Informativ Data Centre** (MysIDC)



13,357 transaksi **MalaysianInfo**

Matlamat Pembangunan Milenium (MDG), statistik sosial, statistik kanak-kanak dan gender info.



9,335 transaksi **STATS Geoportal**

Informasi mengikut tema data penduduk/demografi, sosial dan ekonomi di pelbagai peringkat geografi.



61,325 transaksi **Sistem Carian MSIC** (eMSIC)

2008

Carian kod industri MSIC 2008 Ver 1.0



Stats Alert 2018

“ Bagi tujuan literasi statistik dalam bentuk yang lebih mudah difahami umum dan dekat dengan hati pengguna, sepanjang tahun 2018 DOSM juga telah menerbitkan sebanyak **198 Stats Alert** iaitu statistik dalam bentuk infografik dengan purata sebanyak **17 Stats Alert sebulan.** ”


Ini termasuk juga hebahan penerbitan pada setiap keluaran kepada lebih **6,600 penerima** iaitu melalui emel terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Kedutaan Malaysia di luar negara, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, pengetua, guru besar dan lain-lain lagi. (*Stats Alert* merupakan ringkasan utama, maklumat penting, ringkasan hasil penemuan dan infografik yang lebih mudah difahami pengguna).



DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Statistics by DOSM

Alert No.	Contents
	JANUARY 2018
1.	External Trade Statistics Nov 2017*
2.	External Trade Indices Nov 2017
3.	Manufacturing Statistics, Malaysia Nov 2017* and Index of Industrial Production Malaysia Nov 2017*
4.	Monthly Principal Statistics of Labour Force Malaysia Nov 2017*
5.	Monthly Rubber Statistics Nov 2017
6.	Consumer Price Index Malaysia Dec 2017*
7.	Economic Census 2016 - Tourism Statistics
8.	Producer Price Index-Local Production Dec 2017*
	FEBRUARY 2018
9.	Quarterly Demographic Statistics Q4 2017
10.	External Trade Statistics Dec 2017* and External Trade Indices Dec 2017
11.	Principal Statistics of Labour Force, Malaysia Dec 2017* and Quarterly Employment & Unemployment Statistics Q4 2017*
12.	Monthly Manufacturing Statistics, Malaysia Dec 2017*, Index of Industrial Production Malaysia Dec 2017* and Construction Statistics Q4 2017
* - <i>Subscribe to the Special Data Dissemination Standard (SDDS)</i>	



Pocket Stats 2018

Idea pengeluaran Buku *PocketStats* ini terhasil semasa Mesyuarat Pembentangan KDNK Suku Ketiga Tahun 2018 kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara pada 14 November 2018 di mana DOSM telah diminta untuk menyedia dan membekalkan Laporan Kemajuan dan Prestasi Ekonomi Malaysia bagi setiap suku tahun kepada semua Ahli Jemaah Menteri.

Justeru itu, *PocketStats* Siri 1 (Suku Ketiga 2018) telah dikeluarkan pada 16 November dan *PocketStats* Siri 2 (Tahun 2018) diterbitkan pada 31 Disember 2018. Isi kandungan *PocketStats* adalah:

- i. Indikator Utama;
- ii. Indikator Sosial;
- iii. Indikator Ekonomi;
- iv. Indikator Lain;
- v. Infografik Negeri; dan
- vi. Indikator Mengikut Negara Terpilih.



Department of Statistics Malaysia
www.dosm.gov.my

Series 2/2018
Released 31st December 2018

STATSMalaysia

f t i v

POCKET STATS 2018

#StatsMalaysia #myretailcensus2019 #isiwsc2019 #mystatsday #mycensus2020

STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

Dalam usaha merealisasikan aspirasi statistik mensejahterakan rakyat, DOSM terus meningkatkan sesi engagement bersama responden, agensi kerajaan, pihak swasta dan komuniti serta para pelajar.

MyStats 2018



6th Malaysia Statistics Conference (MyStats 2018), telah diadakan pada **19 November 2018 (Isnin) di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM)** dengan tema "*Embracing Data Science and Analytics to Strengthen Evidence-Based Decision Making*". Persidangan ini telah dianjurkan bersama oleh DOSM, BNM dan Institut Statistik Malaysia (ISM). Seramai

578 peserta telah menghadiri persidangan ini dan sebanyak **11 kertas** kajian/penyelidikan berkenaan *data science and analytics* telah dibentangkan/dikongsikan oleh ahli statistik dan para penyelidik. Selain itu, seramai **17 penceramah** jemputan telah menyampaikan topik kepakaran masing-masing.



Sejak penganjuran MyStats pada tahun 2012, ia telah menjadi satu platform yang terbaik untuk ahli statistik, penyelidik, penggubal dasar, akademia dan compilers untuk membincangkan statistik dan penggunaannya sebagai menyokong kepada pembuat keputusan. Dalam era digital dan data raya pada masa ini, MyStats 2018 bertujuan untuk menyediakan peluang kepada ahli statistik dan pengguna statistik untuk memahami dan membincangkan kesan teknologi dan digital kepada data, bidang/kemahiran seperti *data science and analytics* yang diperlukan untuk mengurus data yang besar dan pelbagai, serta peluang yang wujud daripada pembangunan bidang baharu ini.

SEMINAR STATISTIK KEPENDUDUKAN DAN SOSIOEKONOMI NEGERI: KE ARAH BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

Bagi tahun kedua, DOSM telah menganjurkan Seminar Statistik Kependudukan dan Sosioekonomi Negeri: Ke Arah Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang telah diadakan pada bulan Ogos 2018 melibatkan pegawai-pegawai daripada semua Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) seluruh negara beserta pegawai-pegawai daripada Wilayah-wilayah Pembangunan Ekonomi, kementerian dan agensi terpilih. Seminar ini telah diadakan di ILSM pada 6 – 7 Ogos 2018. Usaha ini bertujuan untuk berkongsi penggunaan statistik yang diterbitkan dan mendapatkan pandangan serta kerjasama daripada semua pihak dalam persiapan menghadapi pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Program-program literasi dan perkongsian seperti ini turut dilaksanakan di peringkat DOSM Negeri.


Sebanyak 11 kertas pembentang telah dibentangkan termasuk satu sesi pembentangan khas yang bertemakan Banci Penduduk dan Perumahan: Dari Perspektif Kerajaan Negeri telah dibentangkan oleh YB. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.



PEMBENTANGAN KERTAS DALAM SESI RETREAT YB AHLI- AHLI MAJLIS KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERSAMA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Sesi Retreat YB Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri Selangor bersama YAB Tuan Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor telah diadakan pada 14 Ogos 2018 bertempat di Westin Hotel Langkawi, Pulau Langkawi Kedah. Pihak DOSM turut dijemput untuk berkongsi maklumat berkenaan statistik negara kepada YAB Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri Selangor.

Kertas pembentangan yang bertajuk Kependudukan dan Demografi Masa Hadapan Negeri Selangor: Mendepani Cabaran Sustainable Development Goals (SDGs) telah disampaikan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir Encik Muhammad Amri Idris, Pengarah DOSM Selangor.



SESI LITERASI STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

Sesi Literasi Statistik Bersama Komuniti diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman komuniti berkaitan kepentingan statistik yang berkualiti dan *reliable* kepada pembangunan ekonomi negara. Selain mempromosikan DOSM sebagai *national compiler*, sesi ini juga merupakan sebagai medium untuk merapatkan hubungan antara komuniti dan warga DOSM.



11 April 2018 – Program Jalinan “*Edustats*” bersama Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu (Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan)

22 April 2018 – Sesi Interaktif Ketua Perangkawan Malaysia bersama Komuniti (Kampung Belawai, Sarikei, Sarawak)

13 Julai 2018 – Sesi *Knowledge Sharing* (KSS) bertajuk DOSM-Penjana Statistik Negara (Bilik Mesyuarat Gunasama, Wisma Persekutuan Melaka)

27 Julai 2018 – Sesi Literasi Statistik bersama mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (DOSM Perak)

5 September 2018 – Program Literasi Statistik Bersama Suri & SriKandi Johor (Bangunan Dato' Jaafar Muhamad, Kota Iskandar, Johor)

5 September 2018 – Program Meremajakan Statistik (Sekolah Menengah Kebangsaan Beserah, Kuantan)

27 September 2018 - Program Seminar Literasi Bersama Komuniti (Dewan Mengkabong Kampus INTAN Sabah)

7 Oktober 2018 – Program Sahabat Stats, Pejabat Operasi Kajang (Surau Al-Ihsan, Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Hulu Langat)

12 Oktober 2018 – Program Literasi Statistik Peringkat Sekolah (Sekolah Menengah Sains Selangor, Cheras, Kuala Lumpur)



11 Oktober 2018 - Sesi Interaktif dan Stats Fun 2018 (Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS), Kedah)



26-27 Oktober 2018 – DOSM Kelantan Masuk Kampung (Dataran Kampung Lawar, Jeli)



1 November 2018 - Program Literasi Stats@ School 2018 Bersama Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang, Selangor

13 November 2018 - Sesi Literasi Statistik bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Perlis (Dewan Terbuka, Sekolah Kebangsaan Kuala Perlis, Perlis)

STATISTICS TALK

Program *Statistics Talk* merupakan sesi perkongsian maklumat dan pertukaran idea berkaitan statistik, disamping memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh DOSM. Program ilmiah ini diadakan untuk warga universiti serta agensi kerajaan yang mempunyai perjanjian persefahaman (MoU) dengan DOSM.

2 Mac 2018 - Perkarangan Stadium Darul Aman, Kedah

Pocket Talk "Road to MyCensus 2020" di Ekspo Muafakat Kedah 2018

14 Mac 2018 - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

Peranan DOSM dalam Menentukan Indeks Harga Pengguna

Program yang dianjurkan di tempat mereka ini bertujuan untuk meningkatkan literasi statistik di kalangan pengguna data DOSM dan diharapkan dapat meningkatkan kemahiran untuk menggunakan statistik rasmi negara bagi keperluan pembelajaran dan pekerjaan.



18 April 2018 - Universiti Malaya

Bachelor of Science (Actuarial and Financial Mathematics)

The Role of Actuary in Department of Statistics, Malaysia



25 April 2018 - Management & Science University

Poverty Reduction in Malaysia



21 Mei 2018 - SME Corp. Malaysia

Understanding the Basic Concept of Input-Output Table



5 Julai 2018 - SMK Taman Jasmin 2, Kajang
Statistik Jantung Negara

5 Ogos 2018 - Star Education Fair
Why Data Scientist Is The Most Exciting Career?

28 Ogos 2018 - Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Operasi Pengumpulan Data dan Penemuan Penggunaan Data

28 Ogos 2018 - Taylor's University
Input-Output Table

1 September 2018 - Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu
Statistics Talk

13 September 2018 - Universiti Putra Malaysia
Indeks Harga Pengguna Malaysia

3 Oktober 2018 - Universiti Teknologi Mara
Labour Market Information

12 Oktober 2018 - Agensi Kerajaan (Dewan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan)
Statistics Talk

17 Oktober 2018 - Program Bicara Statistik 2018
Peringkat Negeri Kelantan (Dewan KESEDAR Timur, Kuala Krai)

26 Oktober 2018 - Universiti Putra Malaysia
DOSM Insight

30 Oktober 2018 - Universiti Teknikal Malaysia, Melaka (UTeM)
Seminar *Statistics Talk* Peringkat Zon Selatan

LAWATAN SAMBIL BELAJAR

DOSM telah menerima lawatan sambil belajar daripada institut pengajian tinggi (IPT) dan agensi lain ke DOSM, Putrajaya dan DOSM Negeri sepanjang tahun 2018. Lawatan seumpama ini merupakan inisiatif DOSM memperkenalkan peranan, produk dan perkhidmatan Jabatan. Ia juga menjadi salah satu platform bagi mendidik literasi statistik di kalangan masyarakat umum. Agensi tersebut akan mendapat penerangan lebih jelas berkaitan statistik rasmi negara serta kepentingannya kepada negara dan kehidupan.



8 Februari 2018 - Kolej Profesional MARA Beranang

Kaedah Pensampelan Data Isi Rumah
Proses Pelaksanaan Penyiasatan Tenaga Buruh

28 Mac 2018 - SMK King George V, Seremban

Tenaga Buruh, KDNK dan KNK, METS *Online*

12 April 2018 - Universiti Selangor

Aplikasi Penggunaan SAS Menggunakan Data DOSM

17 April 2018 - Universiti Utara Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar

24 April 2018 - Universiti Malaysia Terengganu

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Perbelanjaan Isi Rumah

Komunikasi Statistik

14 Mei 2018 - Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Role of Statistics Department in Population Growth Projection Planning and Research

24 Mei 2018 - Universiti Teknologi Mara (UiTM) Raub

Career Talk

Simple Enlighten of Big Data



28 Jun 2018 - Lawatan ke DOSM WPKL

Pegawai yang menghadiri *United Nations Regional Workshop on the 2020 World Programme on Population and Housing Censuses: International Standards and Contemporary Technologies*

17 Julai 2018 - Lawatan ke DOSM Sarawak

